

Latihan Penjodoh Bilangan.

Seret jawapan yang betul daripada kotak ke tempat kosong.

genggam	papan	hiris	jambangan	laras
kaki	ikat	baris	orang	naskhah

1. Pak Ahmad membaca se_____ majalah.
2. Abang mengambil se_____ baja lalu ditaburkan di atas batas pokok kacang.
3. Beberapa _____ almari di pusat sumber itu digunakan untuk meletakkan pelbagai jenis bahan bacaan.
4. Suasana menjadi bingit apabila sekumpulan penduduk membakar beberapa _____ mercun sempena Tahun Baru Cina.
5. Terdapat beberapa _____ meriam lama di atas puncak Kota Melawati.
6. Mak Limah membawa se_____ payung kerana cuaca kelihatan mendung.
7. Suzana mempunyai se_____ abang yang tinggal di Kuala Lumpur.
8. Johan hanya memakan beberapa _____ mangga kerana buah itu amat masam.
9. Mak Senah membeli se_____ bayam untuk dimasak gulai lemak.
10. Shuhada menempah beberapa _____ bunga untuk majlis hari lahir adiknya.

Tekan pada pilihan jawapan yang paling tepat.

1. Se _____ kain dan beberapa _____ pakaian telah didermakan kepada anak-anak mangsa kebakaran itu oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.
A kajang ... keping C bidang ... helai
B gulung ... helai D buku ... cebis
2. Cikgu Suhaimi menyuruh murid-muridnya menandakan kedudukan beberapa _____ gunung di dalam peta dengan se _____ pensel.
A buah ... batang C ketul ... biji
B biji ... bilah D batang ... biji
3. Kek itu dihiasi dengan beberapa _____ ceri dan beberapa _____ bunga krim yang berwarna-warni.
A potong ... ketul C hiris ... potong
B hiris ... kuntum D bilah ... dahan
4. Se _____ cincin perkahwinan dan dua _____ rantai emas telah dicuri dari rumah Puan Nor Arida.
A pasang ... ulas C bentuk ... utas
B ketul ... ulas D biji ... urat
5. Ayah mengerat _____ rebung dari tebing sungai dengan se _____ parang yang tajam.
A setongkol ... bilah C sebilah ... bilah
B seketul ... biji D sepucuk ... bilah